

TINJAUAN LITERATUR KESAN PANDEMIK COVID-19 TERHADAP KELANGSUNGAN KEUSAHAWANAN KRAF TRADISIONAL SKALA KECIL DALAM PELANCONGAN DOMESTIK DI SABAH

LITERATURE REVIEW ON COVID-19 PANDEMIC EFFECTS ON THE SURVIVAL OF SMALL-SCALE TRADITIONAL CRAFT ENTREPRENEURSHIP IN SABAH'S DOMESTIC TOURISM

Siti Aidah Lukin @ Lokin¹, Jabil Mapjabil², Zuraidah Jamrin³,
Halina Sendera Mohd. Yakin⁴, Suraya Sintang⁵

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: sitiaida@ums.edu.my)

²Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIs), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: jabil@ums.edu.my)

³Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: zuraidah@ums.edu.my)

⁴Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(Emel: sendera@ums.edu.my)

⁵Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: suraya@ums.edu.my)

Article history

Received date : 25-8-2020
Revised date : 26-8-2020
Accepted date : 23-10-2020
Published date : 25-10-2020

To cite this document:

Siti Aidah Lukin @ Lokin, Jabil Mapjabil, Zuraidah Jamrin, Halina Sendera Mohd. Yakin & Suraya Sintang (2020). Tinjauan literatur kesan pandemik COVID-19 terhadap kelangsungan keusahawanan kraf tradisional skala kecil dalam pelancongan Domestik di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(32), 63 – 73.

Abstrak: Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 Mac 2020 hingga 28 April 2020 bagi memutuskan rangkaian jangkitan wabak COVID-19 selepas Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan wabak ini sebagai pandemik yang amat berbahaya terhadap keselamatan nyawa manusia. Industri pelancongan merupakan industri yang paling awal terjejas ketika pelaksanaan PKP dan yang paling lambat pulih selepas PKP ditamatkan. Industri pelancongan domestik di Sabah khususnya pelancongan berasaskan warisan budaya tempatan yang melibatkan keusahawanan kraf tradisional skala kecil amat terkesan dengan perintah PKP ini. Kajian literatur menunjukkan penyelidikan yang terhad dilakukan tentang ancaman wabak terhadap industri pelancongan domestik. Sebaliknya kajian lebih tertumpu kepada aspek pemulihan dan pengurusan krisis pandemik. Kajian ini cuba mengenal pasti kesan yang dihadapi oleh usahawan kraf tradisional skala kecil dalam tempoh PKP sehinggalah pasca pandemik COVID-19 di Sabah khususnya di daerah Kota Belud, Keningau, Tenom dan Kuala Penyu. Daripada penelitian kesan tersebut kajian ini

seterusnya akan mengenal pasti strategi yang diamalkan, dirancang dan dicadangkan oleh usahawan dalam memperkasa pelancongan domestik dalam tempoh PKP sehinggalah pasca pandemik COVID-19. Hasil kajian akan mencadangkan langkah strategi pengurusan risiko dan krisis penularan wabak COVID-19 serta pandemik lain yang boleh dibangunkan untuk memperkasa usahawan kraf tradisional skala kecil pada masa akan datang. Justeru, kajian ini cuba menggunakan pendekatan tinjauan literatur yang berkaitan dengan kesan pandemik COVID-19 terhadap kelangsungan keusahawanan kraf tradisional skala kecil dalam pelancongan domestik di Sabah.

Kata Kunci: *Kelangsungan, Kraf Tradisional, Pandemik Covid-19, Pelancongan Domestik*

Abstract: *Malaysia has implemented the Movement Control Order (MCO) from 18 March 2020 to 28 April 2020 in order to break the infected epidemic chain of COVID-19, immediately after the World Health Organization (WHO) declared the epidemic as a dangerous pandemic to human life. Tourism industry is one of the earliest affected on the implementation of MCO, yet the least to recover after MCO. Sabah domestic tourism industry, particularly tourism based on local cultural heritage involving small scale traditional crafts entrepreneurs are highly impacted with the MCO order. Literature research show limited research has been done on the epidemic's threats toward this domestic tourism industry. Whilst, most research focus on the pandemic crisis rehabilitation and management aspects. This research intend to identify the implications faced by small scale traditional crafts entrepreneurs within MCO period to post pandemic COVID-19 in Sabah, particularly in the district of Kota Belud, Keningau, Tenom and Kuala Penyu. Based on the literature effects review, this research will identify strategies practiced, planned and suggested by entrepreneurs in order to enhance domestic tourism within the period of MCO to post pandemic COVID-19. The insights of research will suggest steps of strategies of managing risk and crisis spreading of COVID-19 epidemic and other pandemics, that can be construct in order to empower small scale traditional crafts entrepreneurs in future. Therefore, this research using literature review approach study, related to COVID-19 effects, towards the sustainability of small scale traditional crafts entrepreneurs in Sabah's domestic tourism.*

Keywords: *Sustainability, Traditional Crafts, COVID-19 Pandemic, Domestic Tourism*

Pengenalan

Sektor pelancongan di Malaysia dan khususnya di negeri Sabah merupakan sektor ekonomi yang sangat penting kepada negara. Kepentingannya bukan sahaja kerana sektor ini menjadi antara penyumbang terbesar kepada ekonomi negara dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 15.3% pada tahun 2019, tetapi sektor ini turut menawarkan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada lebih 3.7 juta rakyat Malaysia (Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia, 2019). Secara tidak langsung, sektor pelancongan yang mampan turut memberi kesan positif kepada kelestarian rantaian sektor industri lain sama ada industri domestik mahupun industri bertaraf antarabangsa. Sebagai contoh, industri pertanian, industri kraf tradisional, perkhidmatan seni dan budaya tradisional, malah industri logistik serta perdagangan antarabangsa dan lain-lain, yang merupakan industri sokongan kepada kelangsungan operasi sektor pelancongan domestik. Oleh itu, usaha untuk memastikan

kelestarian sektor ini amat penting kerana kaitan dan kesannya terhadap pembangunan sektor lain.

Pada tahun 2019, seramai 16 juta orang pelancong dari luar negara telah melancong di Malaysia dan tahun 2020 telah diisytiharkan sebagai Tahun Melawat Malaysia dengan sasaran untuk menarik kehadiran 30 juta pelancong. Bagi negeri Sabah pula, industri pelancongan merekodkan hasil tertinggi dalam sejarah pada tahun 2018 dengan kutipan hasil sebanyak RM8,342 bilion (Utusan Borneo, 16 September 2019). Namun tanpa diduga, merebaknya Pandemik COVID-19 sejak bulan Januari 2020 telah menjadi mimpi ngeri kepada para pengusaha industri pelancongan di negara kita. Pandemik COVID-19 bukan sahaja mengancam kesihatan penduduk seluruh dunia, malah turut merubah norma sosial tempatan dan sejagat serta kemerosotan ekonomi global. Sehingga 25 Mei 2020, jumlah kes positif COVID-19 melebihi 5.37 juta di seluruh dunia dengan hampir 4,000 kes kematian dan seramai 2.01 juta kes pesakit yang sudah pulih (Berita Harian, 25 Mei 2020). Jumlah kes positif dan angka kematian telah meningkat dengan gelombang kedua yang berlaku secara berperingkat di beberapa negara termasuk Malaysia kini. Sehingga suku ketiga tahun 2020, *www.worldmeter.info* telah mencatatkan hampir 40 juta kes positif dengan 1.1 juta kes kematian seluruh dunia sehingga Oktober 2020 (Worldmeter.info, 2020).

Perkembangan dan ancaman wabak Covid-19 ini lebih membimbangkan apabila Majlis Pelancongan dan Perjalanan Dunia (WTTC) memberikan amaran bahawa pandemik COVID-19 diramal menyebabkan kehilangan 50 juta pekerjaan di seluruh dunia. Negara-negara Asia, termasuk Malaysia dijangka akan terjejas teruk. Sebaik sahaja penularan wabak ini tamat, ia dijangka akan mengambil tempoh sekitar 10 bulan untuk industri pelancongan pulih semula. Apabila industri ini terjejas, ekonomi negara turut menerima kesan langsung dan pendapatan penggiat dalam industri ini juga turut terjejas. Dalam konteks pelancongan domestik di Sabah, kajian tentang kesan wabak COVID-19 terhadap kelangsungan keusahawanan kraf tradisional skala kecil adalah relevan kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac sehingga 28 April (selama enam minggu) didapati memberikan impak yang signifikan terhadap industri pelancongan domestik. Perkara ini jelas dilihat melalui penutupan beberapa sektor perkhidmatan yang berkait secara langsung dengan industri pelancongan seperti sektor penginapan, restoran, pengangkutan awam, agensi perjalanan, agen pertukaran wang asing dan premis jualan cenderamata serta operasi pelbagai skala operator atau pengendali pelancongan.

Tinjauan Literatur

Pandemik COVID-19, Pelancongan dan Industri Kraf

Jangkitan COVID-19 adalah suatu ancaman terhadap kesihatan awam dan keselamatan manusia seperti yang dijelaskan di bawah Program Pembangunan PBB (UNDP) tahun 1994 dan termaktub di bawah Suruhanjaya PBB dalam menangani isu keselamatan manusia. UNDP menganggap keselamatan sebagai suatu pendekatan berpusatkan manusia yang meliputi perlindungan daripada ancaman yang boleh menjejaskan keselamatan dan kebajikan manusia seperti kesan jangkitan penyakit, kebuluran, pengangguran, jenayah, konflik sosial, penindasan politik dan bencana alam. Apabila gelombang epidemik Corona Virus 19 bermula dan secara rasminya diisytiharkan sebagai pandemik pada Mac 2020, WHO dan UNDPD meletakkan fokus keselamatan untuk memastikan rantai penularan wabak dapat diputuskan segera. Malaysia yang mempunyai potensi lokasi berdekatan punca penularan wabak dan kemasukan

pelancong utama dari negara China telah mengambil langkah yang diiktiraf oleh WHO sebagai salah satu negara yang proktif. Usaha ini termasuk menyediakan lokasi kajian saintifik bagi mengenal pasti serta mengawal penularan pandemik tersebut di beberapa pusat penyelidikan di Malaysia. Walau bagaimanapun, memandangkan krisis pandemik COVID-19 masih baharu dan penularan wabak masih belum dapat dikawal sepenuhnya, kebanyakan kajian adalah tertumpu kepada usaha untuk mengenal pasti jenis virus, punca, ciri-ciri dan analisis klinikal berkaitan dengan virus COVID-19. Tetapi, tempoh tiga bulan PKP berperingkat yang dilaksanakan turut dilihat membawa impak negatif bukan sahaja dalam cara hidup manusia sejagat, malah kepada industri lain yang menyumbang kepada ekonomi negara. Fokus tinjauan literatur ini adalah tentang kesan penularan wabak terhadap industri pelancongan domestik khususnya bidang keusahawanan kraf tradisional skala kecil di Sabah. Beberapa literatur dan kajian kes tentang pandemik sebelum munculnya COVID-19 dalam bidang pelancongan cuba diteliti dalam bahagian ini.

Pada 31 Disember 2019, pihak berkuasa negara China telah melaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tentang merebaknya penyakit radang paru-paru (pneumonia) yang puncanya tidak diketahui di bandar Wuhan, Wilayah Hubei, China. Hasil kajian pakar perubatan kemudiannya mendapati bahawa SARS-CoV-2 adalah virus yang menyebabkan wabak COVID-19. Di Malaysia, wabak COVID-19 mula dikesan pada 23 Januari 2020. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga 20 April 2020, sebanyak 5,425 kes positif COVID-19 dilaporkan di seluruh negara. Lima buah negeri mencatatkan lebih 400 kes positif COVID-19 yang didahului oleh negeri Selangor dengan mencatatkan kes tertinggi iaitu 1,345 kes, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,008 kes), seterusnya Johor (644), Sarawak (414) dan Negeri Sembilan (408). Manakala negeri-negeri lain merekodkan kurang daripada 400 kes seperti Sabah (308), Pahang (271), Perak (252), Melaka (187), Kelantan (155), Pulau Pinang (119), Terengganu (109), Kedah (94), Wilayah Persekutuan Putrajaya (77), Perlis (18) dan Labuan (16 kes). Merebaknya wabak COVID-19 ini dan peningkatan kes jangkitan dari bulan Januari sehingga awal bulan Mac 2020 menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula dilaksanakan pada 18 Mac sehingga 31 Mac selama 14 hari di seluruh negara. Peningkatan kes positif COVID-19 setiap hari telah mendorong kerajaan Malaysia melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke fasa dua (1 - 14 April 2020) dan fasa ketiga (15 - 28 April 2020). Tindakan kerajaan yang begitu drastik ini diambil dalam kadar segera untuk menyekat penularan wabak COVID-19 dengan cara menghadkan pergerakan orang ramai di tempat awam. Namun begitu, semua perkhidmatan penting negara adalah dikecualikan daripada PKP seperti air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan. Pada asasnya, dengan pengecualian tersebut, kita menjangkakan kesan ekonomi yang minimal.

Meskipun penularan wabak COVID-19 masih baharu lagi, namun kesannya dalam menjejaskan kegiatan industri pelancongan didapati begitu teruk berbanding wabak yang lain sebelum ini seperti SARS, HIV/AIDS, JE dan sebagainya. Secara harfiahnya, kesan yang menjejaskan industri pelancongan dilihat hanya akan menjejaskan sektor itu secara bersendirian. Namun, dalam tempoh pelaksanaan dan kekangan aktiviti serta perniagaan yang melibatkan sektor serta rangkaian sektor pelancongan, impak serta implikasi COVID-19 adalah lebih besar kepada ekonomi negara dan negeri Sabah khususnya. Di dalam konteks global,

industri pelancongan merupakan penyumbang kepada rangkaian perkhidmatan dan penggunaan global. Oleh sebab itu wabak ini diisytiharkan sebagai pandemik oleh WHO. Istilah pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skop lebih besar, tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata, mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua malah seluruh dunia. Sesuatu pandemik bermula daripada wabak peringkat epidemik yang merebak terlalu luas sehingga tidak terkawal. Sejarah terdahulu merekodkan beberapa pandemik yang pernah menular secara meluas di seluruh dunia seperti cacar dan penyakit batuk kering. Seterusnya wabak Antonine, wabak Justinian serta “The Black Death” yang dipercayai membunuh puluhan juta orang sekitar abad ke-14 (Bell dan Lewis, 2004). Manakala, pada dekad terakhir ini, beberapa pandemik pernah menular di seluruh dunia seperti ebola, zika, Influenza H1N1, MERS dan SARS.

Ketika merebaknya wabak SARS, negara-negara ASIA dianggarkan mengalami kerugian sebanyak USD12 hingga USD18 bilion akibat kesan daripada terjejasnya perkhidmatan logistik, pelancongan dan jualan runcit. Pandemik SARS bukan sahaja menjejaskan kesihatan fizikal dan mental penduduk, malah ekonomi negara tersebut turut terjejas teruk. SARS memberikan impak yang besar terhadap industri pelancongan serta sektor perkhidmatan yang berkaitan. Disamping itu, kebimbangan terhadap aspek kesihatan ini menentukan minat pelabur dan pelancong seperti yang ditunjukkan oleh kesan epidemik SARS terhadap negara China dan negara Asia Tenggara lain. Sebagai contoh, pelaburan terus asing di Hong Kong ketika kemuncak krisis wabak menjunam sebanyak 62% pada suku tahun pertama (David et al., 2018). Malahan, kesan penularan wabak SARS menyebabkan pergerakan penduduk di negara China dan di kebanyakan negara lain merosot. Kebanyakan keluarga mengurangkan permintaan mereka terhadap makanan, pakaian, perjalanan dan hiburan. Malah, bilangan orang yang menginap di hotel merosot dengan teruk (Wuqi Qiu, 2018). Ketika berlakunya pandemik H1N1 Influenza di Mexico, impak ekonomi industri pelancongan Mexico kesan daripada pandemik H1N1 Influenza dapat diteliti melalui rekod ketibaan pelancong ke negara tersebut. Sepanjang tempoh penularan wabak berkenaan, Mexico kehilangan hampir 1 juta orang pelancong luar negara yang dianggarkan boleh menjana sehingga USD2.8 bilion pada tahun tersebut.

Menurut Delivorias dan Scholz (2020), kesan pandemik SARS terhadap sektor pelancongan domestik dapat diteliti dalam kes negara China yang kehilangan penjana pendapatan mencecah USD3.5 bilion dan Malaysia pula sekitar USD1.7 bilion. Dalam kes wabak malaria, denggi, penyakit kuning dan ebola, wabak ini menjejaskan banyak negara di Amerika, Asia dan Afrika yang menyebabkan penurunan ketibaan pelancong sekitar 10 juta orang dari seluruh dunia yang dianggarkan boleh menjana pendapatan sebanyak USD12 bilion. Pandemik Covid-19 pula meninggalkan kesan kejutan yang amat besar dan menjejaskan industri pelancongan pada peringkat ekonomi global (Ishaani Priyadarshini.,2020). Misalnya tindakan pembatalan penerbangan dan pengurangan penerbangan keluar masuk ke negara China merugikan pelbagai syarikat penerbangan yang terlibat. Kebanyakan negara yang bersempadan dengan negara China pula menutup sempadan bagi mengelakkan wabak Covid-19 terus merebak ke negara mereka menyebabkan perkhidmatan feri dan kereta api rentas sempadan terjejas ketika ancaman wabak Covid-19. Kesan yang teruk ini turut dirasai oleh negara Eropah seperti negara Itali yang begitu popular dengan destinasi pelancongan sejarah mereka. Venice dan Milan telah menjadi sepi daripada kunjungan pelancong. Industri pelancongan menyaksikan keadaan hotel yang kosong, penerbangan dibatalkan dan penutupan lapangan terbang dan kawasan

pelancongan. Di negara Asia seperti Indonesia, Jepun, Thailand, Korea Selatan, Singapura, Malaysia, Cambodia dan Vietnam yang popular dengan pelbagai tarikan pelancongan sejarah serta alam semula jadinya juga mengalami nasib yang sama. Kegiatan syarikat penerbangan, hotel dan penginapan, kasino, agensi-agensi yang berkaitan dengan industri pelancongan dari skala kecil hingga global terjejas. Lebih menyedihkan, perniagaan berskala kecil seperti kedai cenderamata, hotel dan premis pengendali pelancongan yang bergantung kepada kemasukan pelancong dan aktiviti pelancongan domestik dan antarabangsa terpaksa ditutup. Wabak Covid-19 menyebabkan jutaan pekerja dalam bidang pelancongan dan sektor sokongannya berhadapan risiko kerugian dan kehilangan pekerjaan.

Belajar melalui pengalaman ketika dunia menghadapi pandemik SARS yang lalu, para penyelidik pelancongan digesa untuk mengemukakan rancangan pengurusan dan tindak balas krisis yang proaktif bagi menangani impak pandemik COVID-19 terhadap sektor pelancongan. Wabak COVID-19 adalah pertama kali dialami oleh masyarakat Malaysia dan seluruh dunia sehingga membawa kepada arahan PKP. Oleh itu, secara harfiahnya, warga Malaysia sama ada pemimpin, pengamal perubatan, ahli akademik dan pengkaji, usahawan mahupun orang awam mengharunginya buat pertama kali. Tanpa persediaan sepenuhnya, arahan PKP yang berlarutan sehingga enam minggu sudah pasti memberi impak kepada komuniti, ekonomi dan negara. Sehingga kini, belum ada penulisan ilmiah tentang pandemik COVID-19 dan hubung kaitnya dengan pelbagai disiplin ilmu termasuklah dalam industri pelancongan domestik. Justeru, kajian tentang impak wabak COVID-19 terhadap keusahawanan kraf tradisional skala kecil adalah signifikan. Maklumat industri pelancongan Malaysia telah mencatatkan anggaran semasa kerugian sebanyak RM9 billion yang dihadapi oleh penggiat industri pelancongan bagi sektor seperti penginapan, pengangkutan, beli-belah makanan dan minuman serta penganjuran acara perniagaan bagi tempoh Januari hingga Mac 2020 (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, 2020). Industri pelancongan negeri Sabah pula mencatatkan kerugian sebanyak RM320 juta dari bulan Januari sehingga Februari 2020 (Utusan Borneo, 8 Mei 2020). Kerugian yang dihadapi dalam sektor-sektor yang dinyatakan juga turut menjejaskan keusahawanan dalam bidang kraf tradisional skala kecil.

Kraf adalah barangan yang dihasilkan dengan menggunakan kemahiran tangan, dikeluarkan dengan atau tanpa menggunakan alat atau peralatan mudah yang dijalankan secara sendiri atau tidak langsung oleh pengusaha-pengusaha kraf (Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia). Kraf tradisional boleh didefinisikan sebagai hasil kerja tangan yang memerlukan kreativiti dan kemahiran dalam penghasilannya, yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Setiap bangsa dan masyarakat di seluruh dunia mempunyai budaya kraf tangan yang diperturunkan kepada generasi baharu. Kraf tradisional ini dihasilkan secara bertukang, menenun, mengukir, menganyam dan sebagainya. Bahan-bahan yang digunakan adalah seperti, logam, tanah liat, hasil rimba, kayu, manik, seramik, benang dan sebagainya. Pada asasnya, pembuatan barangan kraftangan adalah penciptaan satu artifak budaya yang melambangkan sesuatu masyarakat. Dewasa kini, pembuatan dan penciptaan kraftangan lebih kepada penciptaan artifak yang masih dikekalkan penggunaannya dikalangan masyarakat setempat dan juga sebagai cendera kenangan pelancong ke suatu destinasi yang mereka lawati.

Usahawan skala kecil merujuk kepada peniaga yang menjalankan perniagaan sendiri untuk mendapatkan keuntungan di samping mengutamakan kepuasan pelanggan dan memberikan sumbangan kepada masyarakat serta negara. Meskipun pada peringkat awal skala operasinya

adalah kecil, tetapi seorang usahawan berupaya berkembang maju dari semasa ke semasa kerana sifat seorang usahawan yang mempunyai kebolehan mencari dan meneroka peluang yang ada serta sanggup mengambil risiko dalam bidang yang diceburi. Manakala, usahawan kraftangan skala kecil, dilihat sebagai usahawan yang bukan sahaja menghasilkan produk bagi tujuan mendapatkan keuntungan, tetapi juga mengekalkan kepakaran budaya turun temurun yang unik. Usahawan kraftangan skala kecil merupakan golongan usahawan yang penting dalam mengekalkan budaya sesebuah masyarakat. Dalam konteks negeri Sabah yang mempunyai kepelbagaian etnik dan budaya, penghasilan kraf tradisional melambangkan identiti dan keunikan etnik tertentu di negeri ini. Sebelum merebaknya COVID-19, pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan agensi penggalakan pelancongan domestik untuk membangunkan kraf tradisional seperti, penubuhan Pusat Kraf tangan Sabah yang dibangunkan oleh Yayasan Sabah. Sebagai contoh, Projek Kraf Kampungku yang dilancarkan di daerah Sook, Keningau pada tahun 2017 dan Kota Belud pada tahun 2018 oleh Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia bagi membangunkan komuniti setempat di bawah program Satu Daerah Satu Industri (SDSI)-Produk Kraf (Harian Metro, 8 Ogos 2018). Selain itu, penganjuran Hari Kraf Kebangsaan pada bulan Februari tahun 2020 yang lepas mendapat sambutan yang menggalakkan daripada usahawan kraf tradisional termasuklah usahawan dari negeri Sabah. Namun, penularan pandemik COVID-19 telah menyebabkan banyak program yang dirancang oleh kerajaan untuk membantu usahawan kraf di seluruh negara memasarkan produk mereka dibatalkan.

Ketika arahan PKP fasa 2 dilaksanakan bermula 1 April hingga 14 April 2020, pihak kerajaan masih membenarkan pergerakan dan pembukaan kedai, namun waktu operasi dihadkan. Misalnya bagi premis perniagaan keperluan harian, hanya dibenarkan beroperasi daripada jam 8.00 pagi hingga ke jam 6.00 petang sahaja (Kementerian Dalam Negeri, 2020). Untuk arahan PKP fasa 2 dan (termasuk fasa 3) di negeri Sabah pula, terdapat sedikit perbezaan waktu operasi seperti berikut:

1. Pasar awam : 6.00 pagi – 2.00 petang.
2. Restoran dan kedai makanan (untuk dibungkus) : 6.00 pagi – 6.00 petang.
3. Penghantaran makanan atau barangan ke rumah : 6.00 pagi – 6.00 petang.
4. Stesen minyak : 6.00 pagi – 2.00 petang.
5. Restoran makanan segera : 9.00 pagi – 6.00 petang.
6. Perniagaan pasar raya, kedai runcit, kedai serbaneka & bakeri : 6.00 pagi – 6.00 petang.
7. Bengkel kenderaan & kedai tayar : 6.00 pagi – 2.00 petang (Isnin, Rabu & Jumaat) (untuk senarai bengkel terpilih sahaja).
8. Bengkel motosikal : 6.00 pagi – 2.00 petang (Isnin, Rabu & Jumaat) (untuk senarai bengkel terpilih sahaja).
9. Kedai haiwan peliharaan : 8.00 pagi – 2.00 petang (Isnin, Rabu & Jumaat).
10. Industri dan kilang berasaskan makanan dan perubatan : 8.00 pagi – 5.00 petang.

Namun begitu, untuk perkhidmatan jeti bot, terminal bas, premis perniagaan, pasar mingguan, pasar tani, pusat hiburan dan taman awam adalah ditutup.

Secara langsung, peraturan yang ditetapkan dalam arahan PKP, telah menjejaskan kegiatan pelancongan domestik kerana kesukaran pergerakan rentas negeri dalam mematuhi polisi keselamatan kerajaan dalam tempoh berkenaan. Penutupan kedai dan gerai menjual

cenderamata yang memasarkan kraf tradisional menyebabkan bidang perniagaan ini terhenti dan mengalami kerugian. Impak kerugian lebih jelas apabila dalam tempoh PKP dilaksanakan, perayaan-perayaan yang dikaitkan dengan perayaan etnik tempatan di Sabah seperti Pesta Kaamatan, Pesta Kalimantan, Pesta Rumbia dan sebagainya tidak dapat diraikan. Sambutan perayaan etnik tempatan ini sangat penting dalam menarik kehadiran pelancong luar dan tempatan di samping menonjolkan budaya etnik tempatan. Selain itu, melalui perayaan-perayaan ini, peluang mengetengahkan produk yang mempunyai keunikan tersendiri melambangkan identiti dan budaya masyarakat peribumi Sabah terutamanya daripada masyarakat Kadazandusun dan Murut terjejas. Setiap tahun, musim perayaan berkenaan, menyediakan ruang pameran terhadap hasil-hasil kraf tradisional yang melambangkan keunikan budaya etnik peribumi dan membuka ruang kepada para usahawan kraf tradisional tempatan terlibat dengan aktif dalam pemasaran produk mereka. Manakala, masyarakat tempatan daripada pelbagai etnik, pelancong domestik dan luar negara akan mengambil peluang untuk melihat dan membeli kraftangan sebagai keperluan harian mahupun sebagai cendera kenangan. Namun pada tahun 2020, semua perayaan ini tidak dapat diraikan sambutannya seperti biasa walaupun pada peringkat lokaliti masyarakat. Secara positifnya, rakyat Sabah akur kepada arahan mematuhi norma baharu sosial dan mengutamakan penjagaan kesihatan dan keselamatan setiap orang sejajar dengan konsep kesatuan dan tanggungjawab masyarakat seperti yang disarankan oleh perayaan-perayaan yang diraikan sejak turun temurun.

Kegiatan Pelancongan Domestik Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Bagi negara Malaysia khususnya, kebergantungan sektor ini kepada kehadiran pelancong dari luar negara perlu dialihkan kepada usaha dalam fasa baharu pasca PKP untuk lebih berfokus kepada pelancongan domestik. Langkah ini sangat penting bagi mengurangkan kerugian dan memastikan aktiviti pelancongan domestik terus berjalan serta memberikan sumbangan kepada pendapatan negara. Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dilaksanakan bagi menggantikan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 10 Jun-31 Ogos 2020 telah membenarkan sektor pelancongan kembali beroperasi apabila aktiviti rentas negeri mula dibenarkan. Ketika inilah langkah yang perlu diambil untuk memulih dan merencanakan semula sektor pelancongan domestik wajar diberikan fokus utama. Namun isu keyakinan para pelancong tempatan terhadap risiko wabak dan keselamatan merupakan cabaran utama dalam memulihkan pelancongan domestik (Berita Harian, 14 Mac 2020). Kejayaan pelaksanaan PKP dalam membendung penularan wabak COVID-19 perlu seiring dengan usaha meyakinkan semula masyarakat tentang keselamatan mereka daripada jangkitan wabak COVID-19 pasca PKP.

Industri pelancongan domestik negara menunjukkan perkembangan memberangsangkan apabila kegiatan pelancongan dibenarkan semula selepas Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 10 Jun 2020. Perkembangan itu hasil daripada inisiatif penggiat industri pelancongan tempatan melalui tawaran pakej pelancongan istimewa dengan harga promosi menarik bagi hotel, tiket kapal terbang domestik serta diskaun harga masuk ke produk dan destinasi pelancongan (BERNAMA, 27 Julai 2020). Norma baharu pasca PKP memerlukan model baharu dalam pengurusan perniagaan pelancongan domestik menerusi pembangunan perniagaan secara atas talian (online), penyediaan pakej-pakej menarik kepada para pelancong tempatan dan jaminan terhadap aspek kesihatan serta keselamatan nyawa mereka. Bagi menambah baik kualiti kesihatan masyarakat, peruntukan dana yang lebih banyak

diperlukan untuk menaik taraf sistem sanitasi, bekalan air bersih dan kemudahan asas dalam sistem kesihatan dan perubatan. Jaringan yang efektif antara pihak penggiat pelancongan domestik, usahawan dan pihak berkuasa kesihatan awam mesti dibangunkan bagi keperluan informasi yang tepat berkaitan dengan isu-isu kesihatan dan keselamatan.

Bagi keusahawanan kraf tradisional pula, tempoh PKP dan Pasca PKP secara tidak langsung telah menjadikan alternatif pemasaran atas talian sebagai suatu keperluan untuk memastikan kelangsungan sesuatu perniagaan selain pemasaran tradisional. Manakala institusi-institusi kerajaan yang berfungsi membantu usahawan kraf tempatan, pemegang taruh, pengusaha industri pelancongan domestik serta para usahawan kraf tradisional perlu menyusun semula strategi, merancang dengan lebih kreatif sesuai dengan norma baharu bagi memperkasa keusahawanan kraf tradisional skala kecil dalam industri pelancongan domestik di Sabah. Produk kraf tradisional sebenarnya mampu menembusi pasaran antarabangsa sekiranya mempunyai landasan pemasaran dan penghasilan material yang bersesuaian dengan cita rasa semasa (Utusan Boreno Online, 6 September 2019). Pembangunan pemasaran secara atas talian menjadi keperluan yang mendesak bagi usahawan kraf tradisional agar pendapatan mereka dalam sektor ini terus diperoleh meskipun mereka bekerja dari rumah sahaja. Lebih penting lagi, perubahan dan peningkatan literasi komunikasi atas talian menerusi laman sosial dan laman maya dalam kalangan usahawan di Sabah dilihat mempunyai potensi positif. Perkembangan ini turut membuka peluang pekerjaan atas talian dalam kalangan golongan muda yang lebih pakar menggunakan teknologi pemasaran atas talian bagi membantu memasarkan produk usahawan yang mempunyai kekangan literasi penggunaan pemasaran atas talian. Implikasinya, usaha mengekalkan kerja kraf tradisional dapat dikekalkan dan mewujudkan peluang kerja serta penambahbaikan ekonomi usahawan dan negara.

Selain itu, peningkatan kreativiti dalam penghasilan produk kraf tradisional perlu ditingkatkan dan sejajar dengan keperluan pelancong domestik mahupun masyarakat setempat. Kebergantungan pemasaran kepada pelancong asing selama ini mesti diubahsuai hala tuju kepada usaha untuk menarik minat pelancong tempatan membeli dan memiliki produk kraf tradisional yang dihasilkan. Promosi produk melalui pelbagai aplikasi yang mudah mendapat sambutan masyarakat seperti dalam laman *youtube*, *facebook*, *instagram*, *whatsapp* dan lain-lain perlu dimanfaatkan sebagai pemangkin strategi pemasaran sedia ada. Pengalaman dan cabaran yang dihadapi dalam tempoh PKP ini boleh dijadikan panduan oleh para usahawan kraf tradisional untuk lebih bersedia dengan langkah-langkah pengurusan risiko dan krisis yang boleh diketengahkan dalam menangani pandemik dan isu-isu yang berkaitan dengan pelancongan domestik di Sabah pada masa akan datang.

Kesimpulan

Penyelidikan kesan pandemik COVID-19 sangat perlu dilaksanakan dengan mengambil pengajaran dan teladan daripada kajian-kajian yang lepas berkaitan kesan buruk wabak pandemik terhadap industri pelancongan. Meskipun penularan wabak COVID-19 masih baharu, namun perancangan, persediaan yang lebih proaktif bagi menghadapi wabak dalam industri pelancongan wajar diberikan tumpuan. Usaha untuk meyakinkan semula masyarakat tentang keselamatan daripada wabak COVID-19 amat perlu kerana aspek kebimbangan pelancong terhadap isu jaminan dan keselamatan di destinasi pelancongan merupakan cabaran utama dalam memulihkan sektor pelancongan domestik. Justeru, keutamaan dalam agenda strategik adalah untuk memastikan kelestarian industri pelancongan domestik, kerana sektor

ini berperanan sebagai penjana sumber pendapatan penting negara. Keprihatinan pihak kerajaan dan para penggiat industri pelancongan domestik termasuk usahawan kraf tradisional skala kecil di Sabah amat diperlukan dalam mengenal pasti kesan wabak COVID-19 terhadap kelangsungan keusahawanan kraf tradisional dalam pelancongan domestik. Penelitian dan pemahaman terhadap impak negatif wabak COVID-19 tersebut akan memberi implikasi penting dalam usaha merancang serta melaksanakan strategi pengurusan risiko dan krisis penularan wabak COVID-19 dan pandemik lain yang boleh dibangunkan dalam usaha memperkasa usahawan kraf tradisional skala kecil dalam pelancongan domestik di Sabah agar dapat dikekalkan bagi memastikan kelangsungan serta industri pelancongan serta sektor yang berkaitan lebih lestari.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Skim Dana Khas (SDK) 2020 yang bertajuk “Kelangsungan Keusahawanan Kraf Tradisional Sabah Skala Kecil dan Strategi Memperkasakannya Melalui Pelancongan Domestik Pasca Pandemik Covid-19”, Kod Geran SDK0298-2020.

Rujukan

- Bell, C. & Lewis, M. (2004). *The Economic Implications of Epidemics Old and New*. World Economics, 1 Ivory Square, Plantation Wharf, London, UK, SW113UE, Vol.5(4),137-174.
- Berita Harian. (2020). COVID-19: 5.3 juta kes positif seluruh dunia. Berita Harian online, 25 Mei 2020.
- Berita Harian. (2020). Pelancongan keluarga, domestik bantu atasi kesan COVID-19, Berita Harian online, 14 Mac 2020.
- BERNAMA. (2020). Pelancongan domestik tunjuk peningkatan, BERNAMA online, 27 Julai 2020.
- David, E. B., Daniel, C. & J.P. Sevilla. (2018). New and resurgent infection diseases can have far-reaching economics repercussions. *Finance & Development*, Jun 2018, 46-57.
- Delivorias, A. & Scholz, N. (2020). *Economic impact of epidemics and pandemics*. EPRS - European Parliamentary Research. Members' Research Service PE 646.195 – February 2020.
- Harian Metro. (2020). Mempopularkan Kraf Sabah, Harian Metro online, 8 Ogos 2018.
- Ishaani Priyadarshini. (2020) A Survey on some of the Global Effects of the COVID-19 Pandemic, Department of Electrical and Computer Science, University of Delaware, Newark, Delaware, USA.
- Kementerian Dalam Negeri (2020). Perintah Kawalan Pergerakan bagi Mengekang Penularan Wabak COVID- 19 (18 Mac - 31 Mac 202), Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). Kenyataan Akhbar KPK Harian (17 Mac - 5 April 2020) - Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) Malaysia. <https://kpkkesihatan.com>.
- Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia. (2020). MOTAC Lakar Pelan Tindakan Strategik Untuk Memperkasa Industri Pelancongan Yang Terjejas Berikutan Impak WabakHarian Me COVID 19. <https://tourism.gov.my>.
- Utusan Borneo. (2019). Kraftangan Tempatan Mampu Tembus Pasaran Antarabangsa, Utusan Borneo online, 6 September 2019.

- Utusan Borneo (2020). Industri Pelancongan Sabah catat RM320 juta kerugian, Utusan Borneo online, 8 Mei 2020
- Utusan Borneo. (2020) Industri pelancongan Sabah terus berkembang, Utusan Borneo online ,16 September 2019.
- Qiu, W., Rutherford, S., Mao, A. & Chu, C. (2017). The Pandemic and Its Impacts. Vol. 9-10 (2016 - 2017).<http://hcs.pitt.edu>. Diakses pada 10 Jun 2020.
- WorldmetersInfo: https://www.worldometers.info/coronavirus/?utm_campaign=homeAdvegas1?, 18 Oktober 2020.